



RUMUSAN PEMBENTANGAN : LAPORAN KEMAJUAN LIMA TAHUN PELAN INTEGRITI NASIONAL

PELAN INTEGRITI NASIONAL PERLU DIANGGAP SEBAGAI MISI NASIONAL - TUN ABDULLAH

FORUM 'MERAKYATKAN AGENDA INTEGRITI' DENGAN KERJASAMA SEMUA MASYARAKAT

**LAPORAN TEKAD INTEGRITI 2009-2013 DIBENTANG DI KABINET - PAUL LOW
KEWUJUDAN JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS BUKAN SEKADAR RETORIK**

PROGRAM INTEGRITI DAN PATRIOTISME : JATI DIRI GENERASI MUDA'.

RUMUSAN PEMBENTANGAN : LAPORAN KEMAJUAN LIMA TAHUN



Institut Integriti Malaysia (IIM) telah membentangkan laporan kemajuan sepanjang tempoh lima tahun Pelan Integriti Nasional (PIN) untuk menilai pencapaian integriti semasa yang telah berjaya dicapai.

Laporan Tekad Integriti (2009-2013) merupakan laporan kedua yang diterbitkan oleh IIM selepas ia dilancarkan pada tahun 2004 oleh mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi. Pembentangan laporan tersebut yang telah dibentangkan kepada pihak kerajaan pada 23 April 2014 akan mewujudkan pemahaman yang lebih baik di kalangan rakyat Malaysia bahawa Malaysia telah mencapai kemajuan dalam usaha meningkatkan tahap integriti sebagai amalan seharian dalam kehidupan mereka.

Laporan tersebut telah dibentangkan oleh Presiden IIM, Datuk Dr Mohd Tap Salleh. Senator Datuk Paul Low, Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut menyampaikan ucapan sebaik sahaja pembentangan dijalankan.

Pembentangan laporan tersebut turut disaksikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang telah mencetuskan idea PIN. Pelan Induk Nasional (PIN) bertujuan menyediakan hala tuju dan panduan kepada masyarakat dan negara.

Datuk Dr Mohd Tap dalam keterangan laporan tersebut berkata, Laporan Tekad Integriti 2009-2013 mengambil kira input yang berkaitan dan juga pandangan serta cadangan oleh pihak yang berminat

Laporan lima tahun itu merangkumi kemajuan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus, integriti, rasuah, penyampaian perkhidmatan, institusi keluarga dan kualiti hidup di Malaysia sepanjang fasa kedua Pelan Integriti Nasional (PIN). Fasa pertama pembentangan merangkumi tahun 2004 hingga 2008 telah dibentangkan pada tahun 2009 kepada Datuk Seri Najib Tun Razak, yang merupakan Timbalan Perdana Menteri pada masa itu.

Laporan Tekad Integriti memberi tumpuan kepada lima sasaran utama, iaitu memerangi penyelewengan rasuah dan penyalahgunaan kuasa secara holistik dan berkesan, meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi, meningkatkan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat, mengukuhkan institusi keluarga dan masyarakat dan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Laporan ini juga turut membincangkan cadangan untuk meningkatkan momentum integriti. Terdapat beberapa bahagian tertentu dalam laporan ini yang menyentuh mengenai pencapaian inisiatif yang telah dibuat untuk memerangi rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa sekaligus menunjukkan perkembangan positif berdasarkan indikator dalam negara dan di peringkat global.

Ini dapat dilihat melalui peningkatan tangga Indeks Persepsi Integriti Nasional (I-PIN) daripada 6.5 pada tahun 2009 kepada

6.8 pada tahun 2013 berpandukan sukatan kaji selidik Persepsi Rasuah dan Keberkesanannya terhadap rakyat Malaysia.

Kajian yang dijalankan pada 2012 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mendedahkan tahap keyakinan orang ramai kepada usaha SPRM yang meningkat daripada 42.5 peratus pada tahun 2011 kepada 64 peratus pada 2012.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah menunjukkan peningkatan dalam kedudukannya dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) pada indeks skor sebanyak 4.3 (2011) kepada 50/100 tahun lepas, manakala laporan 'Menjalankan Perniagaan 2009-2014' oleh Bank Dunia menunjukkan Malaysia kini menduduki tempat keenam (2014), daripada 21 pada tahun 2009.

Mengenai sasaran untuk meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan menangani birokrasi red-tapes, laporan tersebut antara lain memberi tumpuan kepada peningkatan tindakan disiplin terhadap penjawat awam, daripada 3,344 pada 2009 kepada 5,018 pada tahun 2012.

"Walaupun jumlah hanya terdiri daripada 0.3 peratus daripada kakitangan awam daripada kira-kira sejumlah 1.46 juta orang, ianya tidak bermakna kita menafikan kes-kes disiplin tidak berlaku," menurut laporan tersebut.

Analisis yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam telah mendapati kesalahan yang dilakukan oleh kakitangan awam yang melibatkan kes-kes tidak berdisiplin antara lain, adalah ketidakhadiran kerja, salah laku, kes penyalahgunaan dadah, mahkamah dan mempunyai masalah hutang yang serius.

Seterusnya dalam fasa ketiga, IIM berhasrat untuk terus menjalankan latihan dan menganjurkan wacana akademik dengan kerjasama pelbagai badan-badan kerajaan, penggiat korporat, pelajar dan guru-guru serta NGO dan masyarakat awam secara keseluruhannya.

PELAN INTEGRITI NASIONAL PERLU DIANGGAP SEBAGAI MISI NASIONAL - TUN ABDULLAH

Pelan Integriti Nasional (PIN) mempunyai lima sasaran utama untuk membawa rakyat Malaysia ke tahap yang lebih tinggi untuk dipikul sebagai misi nasional," kata bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata kejayaan PIN yang dilancarkan pada 23 April 2004 juga bergantung kepada penglibatan dan komitmen semua peringkat masyarakat, termasuk parti-parti pembangkang dengan meletakkan kepentingan negara sebagai agenda utama.

Abdullah berkata walaupun PIN telah menimbulkan kesedaran awam mengenai etika dan integriti, usaha berterusan perlu dilipatgandakan untuk mencapai keputusan yang lebih baik, manakala kritikan dan tuduhan yang tidak berasas boleh diabaikan.

Lima sasaran integriti yang menjadi tunjang PIN adalah memerangi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara menyeluruh, meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi, meningkatkan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat, mengukuhkan institusi keluarga dan masyarakat dan yang terakhir, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Sambil menegaskan bahawa untuk memastikan kejayaan PIN merupakan tanggungjawab bersama, Abdullah berkata dalam usaha untuk membina masyarakat yang adil, demokratik dan progresif yang mengekalkan prinsip-prinsip Rukun Negara, isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa sebenarnya telah menurun.

"Sama seperti Rukun Negara di mana lima prinsip sama-sama penting, lima sasaran integriti PIN harus dilaksanakan dengan jayanya dan ini bukan satu cabaran yang mudah", katanya ketika bercakap kepada pemberita sempena ulang tahun ke-10 pelaksanaan PIN dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM), dan juga Pembentangan Laporan Tekad Integriti 2009-2013, pada Selasa 29 April, 2014.



Caption: Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Paul Low diiringi oleh Presiden IIM, Datuk Dr Mohd Tap sewaktu menghadiri sambutan Ulang tahun ke-10 IIM

Laporan tersebut meliputi perkembangan yang telah berlaku berhubung dengan isu-isu yang melibatkan tadbir urus, integriti, rasuah, penyampaian perkhidmatan awam, institusi keluarga dan kualiti hidup di bawah fasa kedua PIN.

Presiden IIM Datuk Dr Mohd Tap Salleh menyampaikan laporan tersebut kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low yang mewakili kerajaan dan rakyat Malaysia.



FORUM 'MERAKYATKAN AGENDA INTEGRITI' DENGAN KERJASAMA SEMUA MASYARAKAT

“Membudayakan nilai integriti perlu menjadi tanggungjawab semua lapisan masyarakat.”

Itu merupakan pakatan yang dipersetujui oleh ahli panel yang hadir pada forum “Merakyatkan Agenda Integriti” anjuran Institut Integriti Malaysia.

Ahli panel turut sepakat bersetuju bahawa integriti bukan sahaja berkaitan dengan rasuah tetapi meliputi perspektif yang lebih besar, termasuk pekerjaan, pemeliharaan agama dan hubungan dalam masyarakat itu sendiri.

Di dalam forum “Merakyatkan Agenda Integriti” yang diadakan sebelum pembentangan PIN pada Selasa, 29 April 2014, semua pihak bersetuju bahawa tanggungjawab seperti itu bukan sahaja perlu dipikul oleh kerajaan dan agensi-agensinya, walaupun tugas itu telah dibentangkan dalam portfolio mereka.

Salah seorang ahli panel yang hadir iaitu pengerusi Media Prima Berhad, Datuk Johan Jaafar berkata bagi mewujudkan sebuah masyarakat dengan kesedaran yang lebih tinggi mengenai nilai integriti, ianya perlu bermula dari awal, terutamanya kanak-kanak di peringkat sekolah.

“Integriti bermaksud bersifat jujur dan mempunyai prinsip-prinsip moral yang kukuh. Perubahan struktur sosial menyebabkan ianya tidak lagi semudah yang disangka untuk melaksanakan perkara yang kita tahu benar dan betul,” katanya.

Forum itu dianjurkan bersempena ulang tahun ke-10 Pelan Integriti Nasional dan penubuhan Institut Integriti Malaysia.

Ahli panel lain yang turut serta ialah Duta Denmark, Nicolai Ruge dan Ketua Eksekutif Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) Wan Saiful Wan Jan, manakala ahli lembaga Institut Kepimpinan dan Strategi Asia, Tan Sri Ramon Navaratnam bertindak sebagai moderator forum.

Datuk Johan membacakan laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan setiap tahun kepada orang ramai dan bagaimana Ketua Audit Negara telah dilabelkan sebagai ‘orang yang zalim’ seperti yang sering dilaporkan apabila mengeluarkan kenyataan berkaitan ketirisan perbelanjaan wang oleh kerajaan dan agensi-agensinya.

“Adakah kita, dalam kapasiti diri kita sendiri, membuat apa-apa kenyataan yang menyokong beliau? Kita tidak harus membenarkan lelaki ini berseorangan dalam menghadapi keadaan ini dan itulah apa yang dinamakan integriti,” katanya.

Sementara itu Ruge menegaskan antara tiga amalan baik yang boleh mewujudkan negara yang berintegriti tinggi adalah dengan mempunyai media bebas dan berkualiti.

"Terdapat banyak kes penipuan yang disyaki di Denmark disiarkan dalam media. Seterusnya, ia dibawa keluar oleh pejabat audit negara, parlimen atau kepada polis," kata beliau sambil menambah bahawa pada pandangan wacana politik di Denmark bahawa kebebasan media tidak boleh disekat kerana mereka memegang peranan sebagai pemerhati yang penting.

Ruge juga menekankan untuk mengamalkan sikap telus bagi membolehkan rakyat untuk mempunyai akses umum kepada maklumat awam.

"Penglibatan rakyat tidak kurang juga pentingnya di Denmark. Mereka ini terkenal dengan berpegang kepada tradisi kukuh sikap menghulur bantuan secara sukarela," Ruge menambah.

Apa yang menariknya, terdapat hanya segelintir masyarakat awam yang terlibat secara langsung dalam kes anti-rasuah. perihal kejadian berkaitan rasuah pula tidak banyak dipaparkan kepada masyarakat umum di Denmark.

"Apabila ianya berlaku, ia akan mendapat liputan secara meluas daripada media. Malah, kadang-kadang sehingga sukar untuk beberapa organisasi yang bekerja di dalam bidang ini untuk

mengumpul maklumat umum dan eksklusif bagi menyiasat peristiwa tersebut," katanya.

Wan Saiful Wan Jan yang merupakan Ketua Eksekutif di Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) yang turut hadir sebagai panel pada forum hari itu berkata bahawa ramai rakyat Malaysia masih ragu-ragu mengenai inisiatif kerajaan untuk meneruskan usaha dalam memupuk integriti dalam negara.

Beliau mencadangkan bahawa agensi-agensi yang bertanggungjawab membawa idea integriti kepada negara untuk keluar daripada sifat berat sebelah manakala masyarakat sekarang tidak perlu lagi dikatalogkan mengikut kumpulan etnik atau agama.

"Setiap inisiatif yang diambil oleh mana-mana agensi atau organisasi mestilah berakar umbi dalam masyarakat dan harus mempunyai kesan yang mendalam," katanya lagi.

Tan Sri Ramon Navaratnam, dalam mengakhiri forum itu berkata perubahan masyarakat, walaupun tidak dapat dielakkan, bukanlah satu tugas yang mudah kerana rakyat secara amnya berada di dalam zon selesa dengan kehidupan semasa mereka.

Beliau menyarankan agar melakukan perubahan yang bermula dari peringkat tertinggi di dalam masyarakat dan berkata "kita tidak mahu meninggalkan warisan yang tidak boleh dibanggakan



LAPORAN TEKAD INTEGRITI 2009 - 2013 DIBENTANG DI KABINET - PAUL LOW

Laporan Tekad Integriti 2009-2013 yang memperincikan kemajuan Pelan Integriti Nasional (PIN) dalam tempoh lima tahun yang lalu telah dibentangkan di mesyuarat kabinet pada Rabu, 30 April 2014.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan, berkongsi harapan beliau selepas pembentangan dan penyerahan Laporan Komitmen Integriti 2009-2013 pada Selasa. "Kita akan lihat apa yang boleh kita lakukan dan IIM bertanggungjawab untuk melihat lebih dalam dari sudut perancangan baru kerana kita cuba untuk meningkatkan integriti dalam semua aspek di negara ini", kata Paul Low.

Bercakap mengenai Integriti dan Jawatankuasa Tadbir Urus Kerajaan yang ditugaskan untuk menangani isu rasuah dan integriti dalam perkhidmatan awam, Low berkata ianya sedang dalam peringkat akhir. "Kuasa pengoperasian jawatankuasa ini dijangka akan dikeluarkan kepada semua agensi kerajaan dan kementerian pada bila-bila masa, tidak lama lagi", tambahnya lagi.

Low juga berkata kewujudan jawatankuasa itu akan membantu kementerian dan agensi-agensi kerajaan untuk memacu tadbir urus, integriti dan usaha-usaha anti-rasuah dari peringkat atasan hingga ke bawahan.

Jawatankuasa integriti dan tadbir urus ini juga akan turut memantau cadangan dan perubahan yang dilakukan oleh setiap agensi kerajaan dan kementerian bagi meningkatkan integriti dalam organisasi mereka.

Jawatankuasa tersebut akan dianggotai oleh 200 ketua pegawai integriti (CeLO) daripada 700 kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang telah menghadiri latihan bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi melengkapkan mereka dengan sifat-sifat dan pemahaman integriti yang dikehendaki. "Jadi ianya bukanlah sekadar retorik, tetapi perubahan substantive dalam setiap tadbir urus institusi," kata Low.

Masyarakat yang tidak mempunyai moral dan etika yang tinggi akan melahirkan pemimpin yang korup, katanya.

Paul Low dalam mengakhiri komen beliau mengenai pembentangan Laporan Integriti kepada cabinet berharap agar "Fasa 2 Laporan Integriti akan member faedah yang baik kepada semua dalam mewujudkan sebuah negara yang kaya dengan nilai-nilai moral yang positif dan terpuji".



IIM & PIN : SEPULUH TAHUN ANTARA USAHA DAN KEJAYAAN

Institut Integriti Malaysia telah mencapai genap sepuluh tahun penubuhannya pada April tahun ini.

Sepanjang sepuluh tahun sejak penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan permulaan Pelan Integriti Nasional yang ditandatangani selepas pemerbadanannya, menggariskan lima sasaran selepas pertubuhan itu.

Antaranya ialah untuk mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dengan lebih berkesan, meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi, meningkatkan tanggungjawab sosial korporat, mengukuhkan institusi keluarga dan masyarakat dan untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Presidennya, Datuk Dr Mohd Tap Salleh ketika menjawab soalan yang ditanya oleh Bernama dalam sidang akhbar yang diadakan selepas pembentangan rasmi Laporan Integriti 2009 - 2013, menyentuh semula pencapaian IIM yang cukup membanggakan untuk dikongsi sempena Ulang Tahun ke-10 IIM yang jatuh pada 23 April 2014.

Permulaan SPRM Mengikut Sasaran 1

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah ditubuhkan pada tahun 2009 bersempena dengan resolusi daripada Konvensyen Integriti Nasional.

Dalam fasa kedua 2009 - 2013, penubuhan SPRM merupakan naik taraf utama kepada peringatan pentadbiran negara.

Penyampaian Perkhidmatan Awam Untuk Sasaran 2

Sistem penyampaian perkhidmatan awam telah bertambah baik dalam banyak aspek berdasarkan maklumat yang dikumpul melalui forum dan dialog berterusan yang kerap diadakan.

Perincian I-PIN dalam Fasa Dua telah menunjukkan peningkatan yang konsisten iaitu sebanyak 0.1.

Jabatan Audit Negara telah melakukan analisis indeks akauntabiliti yang mencatatkan peningkatan dalam pemarkahan agensi-agensi kerajaan. Tahun 2012 telah menyaksikan peningkatan sebanyak 131 agensi-agensi yang mendapat empat bintang, berbanding hanya 20 agensi pada tahun 2008.

Walaupun terdapat aspek-aspek yang boleh dibanggakan, World Competitiveness Yearbook (WCY) telah meletakkan Malaysia di tempat kedua di kalangan empat negara Asean yang lain sebagai petunjuk untuk daya saing nasional.

Berbanding dengan 60 negara lain, Malaysia menduduki tempat ke-13 pada tahun 2012 dan turun ke tempat ke-15 pada tahun 2013.


Ikrar Integriti Korporat (CIP) CeLO Untuk Sasaran 3

Dalam meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat, penubuhan Ikrar Integriti Korporat (CIP) telah dilaksanakan dalam usaha untuk menggalakkan tadbir urus yang baik dan memerangi gejala rasuah.

Selepas empat tahun pelaksanaannya, CIP telah memperoleh penyertaan sebanyak 3000 peserta korporat dan yang terbaru, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah bersetuju untuk mematuhi dan melaksanakan tadbir urus yang baik dalam menguruskan aktiviti perniagaan mereka seperti mematuhi prosedur yang betul dalam perolehan dan urusan pembelian.

Setiap agensi di jabatan-jabatan kerajaan kini mempunyai Unit Integriti sendiri untuk tujuan tadbir urus yang baik. Beberapa agensi telah turut serta menerima pakai struktur dan menubuhkan Unit Integriti bagi tujuan yang sama.

Sebagai contoh, dalam Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi, terdapat Unit Integriti yang ditubuhkan untuk memastikan pelaksanaan tadbir urus yang baik.



Pegawai Eksekutif Integriti Bertauliah (CeLO) telah dipilih dan dilatih oleh MACA dan diletakkan semula di agensi masing-masing di bawah Unit Integriti yang ditetapkan. Ditubuhkan pada tahun 2011, sejumlah 30 syarikat telah bersetuju untuk menyertai usaha ini dengan objektif untuk memastikan tadbir urus yang baik setakat ini.

Antaranya ialah Bursa Malaysia, Institut Integriti Malaysia dan beberapa agensi yang lain. Pelan Integriti Nasional sedang memasuki Fasa Ketiga yang akan permulaan 2014-2018. Tema Fasa Kedua ialah "Pembudayaan Integriti" dan untuk Fasa Ketiga yang akan datang tema yang dipersetujui adalah "Merakyatkan Agenda Integriti".

Membangunkan Golongan Belia Untuk Sasaran 4

Tanpa mengabaikan golongan belia, satu dasar telah dibentuk untuk mendidik golongan ini dalam mempersiapkan diri mereka untuk menjadi individu berkualiti.

Salah satu langkah yang diambil adalah dengan memastikan pelajar yang baru mendaftar di universiti awam diperkenalkan kepada modul integriti sebagai sebahagian daripada proses pendidikan awal mereka. Pada peringkat yang akan datang, IIM akan melanjutkan pengenalan kepada integriti di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Mengulas perkembangan Sasaran 5 PIN iaitu; memantapkan institusi keluarga dan komuniti, serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat, presiden IIM itu berkata, "Sebagai sebuah negara yang maju ke arah pembangunan, adalah tidak wajar apabila statistik untuk kadar perceraian meningkat lebih tinggi berbanding dengan tahun yang lalu."

Walaupun sesetengahnya berlaku atas sebab yang betul, namun ianya merupakan sebuah kenyataan yang memberi gambaran situasi sebenar masyarakat di negara kita.

Datuk Dr Mohd Tap Salleh mengakhiri sidang media dengan harapan kepada masyarakat umum bahawa "dalam Fasa Tiga yang akan dilaksanakan, IIM berharap akan menerima sokongan penuh dalam usaha untuk meneruskan misi pencapaian dan visi penubuhan yang akan memberi impak yang tinggi kepada negara".

PROGRAM INTEGRITI DAN PATRIOTISME : JATI DIRI GENERASI MUDA

KUALA LUMPUR : Integrity Circle of Champions Club (ICCC) dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menganjurkan program sempena 57 tahun kemerdekaan Malaysia yang bertemakan 'Integriti & Patriotisme : Jati Diri Generasi Muda'.

Program yang berlangsung pada 23 Ogos 2014 ini agak unik apabila ianya dikendalikan sepenuhnya oleh pihak ICCC dan dengan kerjasama dan sokongan pihak Kelab Sukan dan Rekreasi IIM (KESKIM).

"Program ini dianjurkan sempena menyambut ulangtahun Hari Kemerdekaan Malaysia serta sebagai usaha menghargai Veteran Komando Vat 69 (Malaysian Very Able Troopers) dalam usaha mereka mempertahankan Negara", kata Timbalan Presiden IIM, Dr A. Bakar Sarpon.

Antara tiga objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk memperkukuhkan jati diri dan penghayatan generasi muda dalam menghargai erti sebenar kemerdekaan dalam diri setiap individu.

Makna sebenar kemerdekaan menurut pemahaman generasi belia masa kini turut menjadi sebahagian dari agenda perbincangan.

Program ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada golongan belia tentang pengalaman sebenar pejuang Negara sewaktu zaman komunis iaitu Veteran Vat 69 dari Platoon 1 dan 2 yang hadir seramai 20 orang pada majlis itu. Ianya juga bertindak sebagai memberi pemahaman agar belia hati ini dapat menghargai pengorbanan mereka dalam usaha meraih kemerdekaan untuk negara.

Selain itu, ianya turut dianjurkan untuk memberi penghargaan kepada jasa dan pengorbanan Allahyarham ASP Mohd Zabri bin Abdul Hamid, Platoon Komander 2, 69 Komando yang terkorban sewaktu operasi Gerakan Bamboo 2 Fasa 2 di Ulu Perak pada tahun 1975.

Inisiatif program ini adalah berteraskan kepada agenda "Pembudayaan Integriti Rakyat Malaysia" yang merupakan salah satu daripada agenda utama Kerajaan ke arah memantapkan akhlak dan jati diri rakyat sekaligus melahirkan masyarakat minda kelas pertama yang kaya dengan nilai-nilai murni terutamanya di kalangan generasi muda.

Para peserta akan beroleh manfaat melalui perkongsian pengalaman dan maklumat baharu mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pembentukan jati diri dan pembinaan sahsiah yang tinggi supaya lebih menghargai erti sebenar kemerdekaan.

Program kali ini diadakan dalam tempoh setengah hari dalam bentuk sesi perkongsian pengalaman serta persembahan daripada pihak VAT 69 dan juga pihak ICCC.

Jemputan yang terlibat adalah seramai 200 orang pelajar dari Sekolah Menengah sekitar Kuala Lumpur dan lima buah MRSM serta Alumni ICCC, TAZAIC, Rakan Integriti Mahasiswa (RIM) dan pertubuhan belia serta NGO terpilih.

"Adalah diharapkan penganjuran program ini akan menjadi permulaan dan asas yang kukuh ke arah melahirkan individu khususnya generasi muda yang berdaya saing, mempunyai semangat patriotisme yang tinggi, dan berintegriti dan berpotensi sebagai pemimpin masa depan Negara", Dr A. Bakar berkata.

